

## Persekitaran Ekosistem dalam Novel Kanak-Kanak Terpilih

### *Exosystem Environment in Selected Children's Novel*

ROHAYATI JUNAIDI, TENGGU INTAN MARLINA TENGGU MOHD. ALI &  
MADIAWATI MUSTAFFA @ MAMAT

#### ABSTRAK

*Makalah ini bertujuan untuk menganalisis persekitaran kanak-kanak dari sudut ekosistem dalam novel kanak-kanak yang terpilih. Novel-novel kajian, ialah Memori Atikah (2002), Azrul Wira Anak Laut (2006), Umairah dan Kuda Putih (2008), Suteki De Ne Aleena (2013) dan Rahsia Dhia (2014). Persekitaran yang melingkungi kehidupan kanak-kanak terdiri daripada sistem dan peraturan yang digubal oleh manusia dan organisasi tertentu dalam mempengaruhi perkembangan kanak-kanak. Berdasarkan persekitaran yang melingkungi kanak-kanak dalam novel, didapati persekitaran ekosistem memainkan peranan penting dalam mempengaruhi perkembangan psikologi kanak-kanak. Oleh itu, kajian ini menganalisis persekitaran ekosistem yang melingkungi kehidupan kanak-kanak dalam mempengaruhi perkembangan psikologi dan akademik kanak-kanak. Masalah yang melibatkan kanak-kanak semakin berleluasa dan persekitaran ekosistem turut memainkan peranan penting dalam mempengaruhi kanak-kanak. Oleh yang demikian, persekitaran ekosistem perlu ditekankan dalam novel kanak-kanak supaya memberi panduan kepada ibu bapa khususnya, dan masyarakat amnya terhadap pengaruh ekosistem dalam pembentukan psikologi dan akademik kanak-kanak. Kajian ini mengaplikasikan salah satu prinsip dalam Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979), iaitu ekosistem bagi menganalisis teks pilihan. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini kaedah analisis kandungan teks dan kaedah kepustakaan. Dapatan analisis memperlihatkan bahawa persekitaran ekosistem yang terdiri daripada pekerjaan ibu bapa dan sistem pendidikan mempengaruhi perkembangan psikologi dan akademik kanak-kanak. Jelaslah, berdasarkan analisis yang dilakukan memperlihatkan bahawa persekitaran ekosistem menekankan persekitaran yang tidak melibatkan kanak-kanak dalam membuat keputusan, namun akibat daripada keputusan dan tindakan akan memberi kesan terhadap perkembangan psikologi kanak-kanak. Kesimpulannya, kajian ini memperlihatkan bahawa keperluan persekitaran ekosistem perlu diberi perhatian dalam melahirkan kanak-kanak yang seimbang dari segi psikologi dan akademik.*

*Kata kunci: Ekosistem; Teori Ekologi Bronfenbrenner; novel kanak-kanak; psikologi; akademik; persekitaran kanak-kanak*

#### ABSTRACT

*This study aims to examine the environment of children from an exosystem perspective in children's selected novels. Research novels, are Memori Atikah (2002), Azrul Wira Anak Laut (2006), Umairah dan Kuda Putih (2008), Suteki De Ne Aleena (2013) and Rahsia Dhia (2014). The environment surrounding children's lives is comprised of systems and regulations designed by humans and organizations influencing the development of children. Based on the environment surrounding children in the novel, exosystem environment is playing an important role in influencing children's psychological development. Thus, this study analyzes the exosystem environment surrounding children's lives in influencing the psychological and academic development of children. Problems involving children are increasingly widespread and the exosystem environment also plays an important role in influencing children. Consequently, exosystem environments need to be emphasized in children's novels to guide parents, in particular, and the general public on the influence of exosystems on the children development of psychological and academic. This study applies one of the principles in Bronfenbrenner's Ecological Theory (1979), a exosystem of analyzing texts. The method used in this study is library method and text analysis. The findings show that exosystem environments consisting of parents and educational systems affect the psychological and academic development of children. Obviously, based on*

*the analysis it shows that the exosystem environment emphasizes environment that does not involve children in making decision but as a consequence of decisions and actions will affect the psychological development of children. In conclusion, the exosystem environment needs to be given attention to producing balanced children in psychologically and academically.*

*Keywords: Exosystem; Ecological Theory Bronfenbrenner; children's novel; psychology; academic; children environmental*

## PENGENALAN

Novel kanak-kanak merupakan satu medium penting dalam menyampaikan ilmu mengenai persekitaran yang melingkungi kehidupan kanak-kanak dalam mempengaruhi perkembangan psikologi kanak-kanak. Hal ini kerana, permasalahan sosial yang melibatkan kanak-kanak sering terpampang di media sosial menjadikan masalah berkaitan kanak-kanak perlu diambil kira oleh semua pihak dan kajian dalam menangani serta mengenal pasti permasalahan ini perlu dilakukan oleh pelbagai bidang ilmu. Oleh itu, novel kanak-kanak merupakan salah satu medium dalam bidang kesusasteraan untuk melihat perkara ini.

Permasalahan sosial yang melibatkan kanak-kanak sering dikaitkan dengan persekitaran yang melingkungi kehidupan mereka. Selain persekitaran terdekat seperti ibu bapa, rakan, jiran, guru dan individu yang berhubung secara langsung dengan kanak-kanak, terdapat persekitaran ekosistem yang turut melingkungi kanak-kanak. Menurut Bronfenbrenner (1979), ekosistem merupakan persekitaran yang tidak melibatkan kanak-kanak secara langsung, namun kesan daripada keputusan dan peraturan ekosistem mempengaruhi perkembangan kanak-kanak secara tidak langsung.

Berdasarkan novel kanak-kanak terpilih, terdapat dua persekitaran ekosistem yang dominan melingkungi kehidupan kanak-kanak, iaitu pekerjaan ibu bapa dan sistem pendidikan. Persekitaran ekosistem tersebut dianalisis dalam melihat pengaruhnya terhadap perkembangan psikologi dan akademik kanak-kanak. Berdasarkan Falsafah Pendidikan Negara jelas menekankan usaha untuk melahirkan individu yang berilmu dan berakhlak, seimbang dan harmonis untuk mencapai kesejahteraan diri dan memberi sumbangan kepada keharmonian dan kemakmuran negara. Oleh itu, menjadi tanggungjawab masyarakat untuk memastikan falsafah pendidikan negara menjadi kenyataan.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang merangkumi kaedah kepustakaan dan kaedah analisis kandungan teks dengan menggunakan salah satu prinsip dalam Teori Ekologi Bronfenbrenner, iaitu ekosistem. Kajian kepustakaan melibatkan pembacaan dan pengumpulan bahan atau sumber yang berkaitan, iaitu tentang aspek persekitaran kanak-kanak dan bahan karya sastera kanak-kanak. Sumber utama yang digunakan terdapat dalam bentuk bertulis seperti koleksi persidangan, jurnal-jurnal, latihan ilmiah, kajian sarjana dan tesis yang telah dihasilkan sarjana tempatan dan juga sarjana barat. Kaedah analisis teks melibatkan pembacaan secara teliti terhadap teks diikuti dengan pemilihan persekitaran yang dominan. Persekitaran yang melingkungi watak utama yang dominan telah dipilih sebagai data kajian.

Ekologi didefinisikan sebagai pertalian organisma atau kumpulan organisma dengan persekitarannya, atau sains yang saling berkaitan dengan organisma hidup dan persekitarannya (Odum 1996). Berdasarkan pernyataan Odum tersebut menjelaskan ekologi merangkumi hubungan antara persekitaran dengan alam semulajadi. Oleh yang demikian, manusia merupakan sebahagian dari alam semulajadi.

Seterusnya, Bronfenbrenner (1979) menjelaskan bahawa ekologi perkembangan manusia melibatkan kajian saintifik mengenai penginapan yang progresif dan saling bertimbang balas di antara manusia yang aktif, berkembang dan sifat-sifat perubahan keadaan tempat tinggal individu. Oleh kerana itu, ekologi perkembangan manusia dipengaruhi oleh hubungan antara persekitaran yang melingkungi kehidupan seseorang individu. Berdasarkan Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979) terdapat lima prinsip yang digariskan dalam melihat persekitaran yang mempengaruhi perkembangan kanak-kanak, iaitu mikrosistem, mesosistem, ekosistem, makrosistem dan kronosistem. Namun, kajian ini hanya mengaplikasikan prinsip ekosistem dalam menganalisis teks pilihan.

Bronfenbrenner (1979) menjelaskan bahawa ekosistem bermaksud terdiri daripada satu atau lebih tetapan yang tidak melibatkan orang yang sedang membangun sebagai peserta aktif tetapi kejadian atau peristiwa yang berlaku akan mempengaruhi, atau dipengaruhi oleh apa yang berlaku dalam tetapan itu. Hal ini dapat dilihat dalam petikan di bawah:

*“An exosystem has been defined as consisting of one or more settings that do not involve the developing person as an active participant but in which events occur that affect, or are affected by, what happens in that setting.”*

Bronfenbrenner (1979)

Bronfenbrenner turut menjelaskan bahawa ekosistem bermaksud persekitaran luaran yang tidak melibatkan kanak-kanak secara langsung tetapi keputusan atau akibat daripada persekitaran ekosistem mempengaruhi perkembangan psikologi kanak-kanak secara tidak langsung. Hal ini menunjukkan bahawa prinsip ekosistem dalam Teori Ekologi Bronfenbrenner merangkumi semua sistem pentabdiran, peraturan dan hubungan yang tidak melibatkan kanak-kanak, namun keputusannya mempengaruhi perkembangan kanak-kanak. Namun begitu, kajian ini hanya menfokuskan persekitaran ekosistem dalam novel-novel terpilih, iaitu pekerjaan ibu bapa dan sistem pendidikan.

Pekerjaan ibu bapa merupakan salah satu unsur penting dalam persekitaran ekosistem yang mempengaruhi perkembangan psikologi kanak-kanak. Hal ini kerana, ekosistem merupakan hubungan antara dua atau lebih *setting* dan individu tidak memainkan peranan atau terlibat secara langsung, namun memberi kesan terhadap perkembangan mereka (Bronfenbrenner 1979). Pekerjaan ibu bapa melibatkan hubungan antara ibu bapa dengan rakan sekerja dan peraturan di tempat kerja. Kanak-kanak tidak terlibat dalam hubungan tersebut, namun keputusan dan peraturan di tempat kerja memberi kesan terhadap perkembangan kanak-kanak. Anak tidak terlibat dalam mencari rezeki kerana mereka masih kecil. Berdasarkan Konvensyen Umur Minimum 1973 (No.138), had umur minimum untuk bekerja ialah 15 tahun. Watak kanak-kanak yang digambarkan dalam enam buah novel kajian antara had umur 10 tahun hingga 12 tahun. Oleh kerana itu, ibu bapa merupakan individu yang bertanggungjawab mencari rezeki bagi memenuhi keperluan kanak-kanak.

Selain pekerjaan ibu bapa, sistem pendidikan juga merupakan salah satu unsur

yang diklasifikasikan sebagai persekitaran ekosistem menurut Bronfenbrenner (1979). Sistem pendidikan yang dikaji dalam novel-novel kajian melibatkan kemudahan sekolah seperti bilik darjah, penggunaan teknologi dan bahan sokongan pengajaran dan pembelajaran serta peraturan-peraturan yang digariskan oleh pihak sekolah dalam mempengaruhi perkembangan psikologi dan akademik kanak-kanak.

Lima buah novel kanak-kanak dipilih sebagai teks kajian atas beberapa justifikasi, iaitu novel kanak-kanak terpilih pernah mendapat pengiktirafan dengan memenangi tempat pertama kategori novel kanak-kanak Hadiah Sastera Perdana Malaysia. Selain itu, novel yang memenangi tempat pertama juga merupakan novel yang terbaik dan menepati standard novel untuk kanak-kanak kerana dinilai oleh panel juri yang berkelayakan berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

*“Antara kriteria dasar yang ditetapkan dalam proses penilaian ialah karya perlu memenuhi ciri-ciri kekuatan kesatuan organik, kekuatan dan keaslian persoalan, keseimbangan estetika bahasa dengan persoalan kemanusiaan, keindahan moral, dana inovasi dalam kreativiti. Novel-novel dibaca secara analitikal untuk memastikan kehendak kriteria penilaian itu dipenuhi. Ada karya yang memaparkan kekuatan dalam aspek-aspek tertentu, tetapi lemah dalam aspek-aspek yang lain. Hal-hal sebegini telah diberikan perhatian yang sewajarnya oleh panel penilai dalam menentukan karya yang benar-benar kuat diangkat sebagai penerima anugerah.”*

(Dewan Sastera 2010)

## EKOSISTEM DALAM NOVEL KANAK-KANAK TERPILIH

Hasil kajian memperlihatkan bahawa persekitaran ekosistem yang digariskan oleh Bronfenbrenner (1979), iaitu pekerjaan ibu bapa dan sistem pendidikan merupakan persekitaran dominan yang digambarkan dalam novel kanak-kanak dalam mempengaruhi perkembangan psikologi kanak-kanak.

### PEKERJAAN IBU BAPA

Pekerjaan ibu bapa dalam mempengaruhi perkembangan psikologi kanak-kanak dilihat berdasarkan waktu kerja dan pendapatan ibu bapa. Hal ini kerana ibu bapa merupakan individu yang bertanggungjawab dalam mencari sumber

pendapatan untuk menyediakan keperluan anak-anak. Menurut Bronfenbrenner (1979), selain jadual kerja dan bidang pekerjaan ibu bapa, pendapatan keluarga turut memainkan peranan penting dalam mempengaruhi perkembangan psikologi kanak-kanak.

Pekerjaan ibu bapa dalam novel yang dikaji, dapat dilihat dalam dua kategori, iaitu ibu bapa yang bekerja sendiri dan ibu bapa yang bekerja dalam organisasi dan berpendapatan tetap. Ibu bapa yang dikategorikan memiliki pekerjaan profesional diwakili oleh ayah Aleena dalam novel *Suteki Da Ne Aleena* (2013) dan ibu Atikah dalam novel *Memori Atikah* (2002). Ayah Aleena bekerja sebagai diplomat kerajaan Malaysia di London. Pekerjaan sebagai seorang diplomat merupakan pekerjaan yang mencabar kerana membawa nama negara dan berjumpa serta berurusan dengan orang ramai yang berlainan agama dan bangsa. Namun begitu, pekerjaan ini menawarkan gaji yang lumayan dan status sosial yang tinggi.

Berdasarkan pekerjaan ayahnya sebagai seorang diplomat, antara kesannya terhadap perkembangan psikologi Aleena ialah membentuk keperibadian Aleena. Aleena merasakan dirinya harus menjaga kelakuan dan tingkah laku kerana mereka sekeluarga ibarat duta kecil negara di London. Aleena juga tidak mempunyai masalah untuk bergaul dengan Ashley dan Monica meskipun mereka berlainan agama dan bangsa. Berdasarkan peristiwa-peristiwa tersebut menunjukkan bahawa pekerjaan ayahnya mempengaruhi perkembangan tingkah laku dan sahsiah Aleena. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut: "Menyedari bahawa dirinya umpama duta kecil, tingkah lakunya yang melambangkan budaya dan kesopanan orang Malaysia perlu dijaganya." (*Suteki Da Ne Aleena* 2013).

Selain itu, pekerjaan ayahnya sebagai seorang yang berjawatan tinggi mampu memberi kemudahan seperti bersekolah di luar negara yang memiliki sistem teknologi yang canggih turut mempengaruhi pencapaian akademik dan perkembangan psikologi Aleena. Ayahnya mampu menyediakan kemudahan seperti komputer untuk memudahkan Aleena mencari maklumat berkaitan pelajaran dan menyiapkan tugas yang diberikan oleh guru. Dengan pekerjaan ayahnya yang bergaji tinggi, Aleena tidak mengalami kesukaran sekali gus memberi kesan positif terhadap pencapaian akademik Aleena.

Berdasarkan jadual waktu kerja ayahnya yang sentiasa padat dan sibuk tidak memberikan kesan

yang negatif terhadap perkembangan psikologi Aleena. Hal ini dapat dilihat ketika Aleena menghadapi masalah kerana digugurkan daripada kelas *violin* walaupun tertekan dan berasa bersalah terhadap ayahnya kerana telah menghabiskan wang yang banyak untuk membeli *violin*, namun dengan sokongan ibu dan kakaknya Aleena mampu tersenyum dan bersemangat semula. Hal ini jelas menunjukkan bahawa peranan ibunya sebagai surirumah tangga sepenuh masa mampu mengisi lompong kesibukan ayahnya dan memberi kesan positif terhadap perkembangan psikologi Aleena. Ibunya sentiasa ada bersama-sama Aleena dan mendengar masalah yang dihadapi oleh Aleena. Berdasarkan petikan di bawah jelas memperlihatkan, kehadiran ibunya memberi aura positif kepada perkembangan psikologi Aleena.

"Kelihatan umi tersenyum kelegaan menatap wajahnya. Senyuman manis umi sentiasa menenangkan hatinya, amat mententeramkan perasaannya.

Aleena tersentuh, dia terharu dengan kasih dan belaian tangan umi."

(*Suteki Da Ne Aleena* 2013: 98 & 99)

Oleh demikian, walaupun Aleena tidak terlibat dalam pekerjaan ayahnya, namun pekerjaan ayahnya mempengaruhi perkembangan Aleena sebagai seorang kanak-kanak yang cemerlang dalam akademik dan memiliki tingkah laku yang terpuji. Malahan, pekerjaan ibunya sebagai surirumah sepenuh masa juga mempengaruhi perkembangan Aleena. Berdasarkan peristiwa dalam novel ini memperlihatkan bahawa ayah yang sibuk dengan pekerjaan tidak mengganggu perkembangan psikologi dan akademik kanak-kanak jika mendapat sokongan daripada ibu sebagai surirumah sepenuh masa. Ringkasnya, novel ini memperlihatkan bahawa pekerjaan ibu bapa memberi pengaruh positif terhadap perkembangan psikologi dan akademik kanak-kanak.

Hal yang sama juga dapat dilihat dalam novel *Memori Atikah*, ibu Atikah bertugas sebagai pegawai bank yang terkemuka di Kuala Lumpur. Pekerjaan sebagai pegawai bank yang berjawatan tinggi memudahkan ibunya menyediakan keperluan asas untuk Atikah. Atikah mampu bersekolah di sekolah elit yang lengkap dengan segala kemudahan. Selain itu, Atikah juga mampu memiliki sebuah komputer peribadi hadiah daripada ibunya. Oleh itu, dengan kemudahan yang disediakan ibunya menyebabkan Atikah tidak mempunyai masalah dalam pelajaran. Malahan, Atikah yang

lemah dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris mampu memperbaiki kelemahannya kerana ibunya mampu menghantar Atikah ke kelas tuisyen Bahasa Inggeris.

Berdasarkan novel *Memori Atikah*, memaparkan pekerjaan ibu mempengaruhi perkembangan psikologi kanak-kanak. Atikah dilihat berasa gembira kerana dapat memiliki komputer peribadi, mengikuti kelas tuisyen Bahasa Inggeris dan mengikuti program motivasi. Mok (2009) menyatakan bahawa ekosistem merupakan sesuatu sistem yang melibatkan persekitaran luar yang mana kanak-kanak memainkan peranan secara pasif, tetapi perkembangan mereka dipengaruhi dengan tindakan ahli-ahli dalam ekosistem ini.

Berdasarkan dua buah novel tersebut, kanak-kanak tidak menghadapi masalah dari segi kemudahan dan keperluan asas. Pekerjaan ibu bapa yang menjamin ekonomi yang stabil memberi kemudahan kepada kanak-kanak dalam pelajaran seperti penyediaan sumber rujukan, tempat sekolah dan kemudahan tempat tinggal yang selesa. Kanak-kanak juga tidak mempunyai masalah dalam pelajaran kerana ibu bapa mampu menyediakan kemudahan lain seperti tuisyen jika mereka lemah dalam subjek-subjek tertentu. Oleh yang demikian, pekerjaan ibu bapa yang bergaji besar mampu meningkatkan pencapaian akademik kanak-kanak sekali gus perkembangan psikologi kanak-kanak. Kanak-kanak tidak perlu tertekan dengan masalah kekurangan kemudahan sekolah. Ringkasnya, dua buah novel tersebut memaparkan pekerjaan ibu bapa yang bergaji besar mempengaruhi perkembangan kanak-kanak, iaitu kanak-kanak yang pintar dalam pelajaran, berdisiplin, aktif dan bersemangat waja.

Namun begitu, pekerjaan ibu bapa yang sibuk turut mempengaruhi hubungan sosial antara ibu bapa dan kanak-kanak. Misalnya, dalam novel *Memori Atikah* diperlihatkan hubungan Atikah dan ibunya tidak mesra. Hal ini kerana, Atikah tinggal bersama-sama neneknya sejak kecil kerana ibunya bekerja di Kuala Lumpur. Kesibukan ibunya bekerja sebagai pegawai bank dan jarang balik menjenguk Atikah menyebabkan hubungan Atikah dan ibunya tidak mesra kerana tidak ada komunikasi yang kerap. Justeru, jadual kerja yang sentiasa sibuk dan ditambah waktu cuti yang terhad mempengaruhi hubungan sosial Atikah dan ibunya. Malahan ketika ibunya membuat keputusan memindahkan sekolahnya, Atikah membenci ibunya.

“Mama? Ya, sebulan sekali mama akan turun dari Kuala Lumpur untuk menjenguk aku di sini. Sejak kecil lagi aku

tinggal bersama-sama nenek. Mama dan papa bersama-sama Kak Atira tinggal di Kuala Lumpur. Pernah juga mama mengajak aku tinggal di Kuala Lumpur tetapi aku sendiri tidak mahu berpisah dengan nenek. Nenek sendiri agak keberatan. Aku rasa, aku macam anak nenek, bukannya anak mama.”

(Memori Atikah 2002)

Kesukaran hidup keluarga juga mempengaruhi perkembangan psikologi kanak-kanak. Dalam novel *Umairah dan Kuda Putih* dan novel *Rahsia Dhia* turut diperlihatkan pengaruh pekerjaan ibu bapa dalam mempengaruhi perkembangan psikologi kanak-kanak. Ayah Umairah bekerja sebagai pengurus di ladang Datuk Merah. Walaupun ayah Umairah tidak mengalami masalah dalam menyediakan keperluan asas seperti makanan, tempat tinggal dan keperluan sekolah, namun ayah Umairah tidak mampu untuk menghantar ibunya berubat. Hal ini memperlihatkan bahawa pendapatan yang diperolehi ayah Umairah belum mencukupi untuk membiayai perubatan ibu Umairah kerana gaji yang diperoleh ayah Umairah bekerja di ladang hanya cukup untuk menampung keperluan harian. Hal ini berbeza ketika ayah Umairah ditawarkan bekerja di bandar dengan gaji dua kali ganda.

Selain itu, waktu kerja yang panjang dan tidak ada cuti hujung minggu mempengaruhi perkembangan psikologi dan hubungan sosial antara kanak-kanak dengan ibu bapa. Dalam novel *Umairah dan Kuda Putih* diperlihatkan pekerjaan ayahnya yang memerlukan waktu bekerja yang panjang sehingga lewat malam dan tidak ada cuti hujung minggu mempengaruhi hubungan Umairah dengan ayahnya. Misalnya, ibu bapa Umairah tidak mengetahui bahawa Umairah selalu dibuli oleh budak-budak nakal kerana tidak ada komunikasi antara mereka. Selain itu, umairah tidak mempunyai ahli keluarga untuk berkongsi masalah kerana ayahnya sibuk menguruskan pekerjaannya di ladang. Hal ini sekali gus mendorong kepada kelakuan aneh Umairah yang suka bercakap dengan binatang peliharaan seperti seekor kuda. Menurut Bronfenbrenner (1974; 1978) dalam Rosa & Tudge (2013), menyatakan bahawa apa yang berlaku di tempat kerja ibu bapa mempunyai kesan terhadap hubungan di dalam rumah. *Utusan Online* turut menyatakan bahawa kesibukan ibu bapa dengan pekerjaan mempengaruhi hubungan anak-anak dengan orang tua sekali gus perkembangan psikologi anak-anak:

Keadaan ini menjadikan jurang antara anak dan ibu bapa terlalu jauh dan menyebabkan anak tidak rapat dengan

orang tuanya sendiri. Situasi ini, jika dibiarkan akan mempengaruhi perkembangan personaliti diri. Anak-anak akan membesar sebagai seorang yang lebih sensitif dan beremosi ekoran kekurangan kasih sayang daripada ibu bapa mereka sejak kecil lagi.

(Zuhayati 2012)

Bronfenbrenner (1979) menjelaskan bahawa sebuah ekosistem terdiri daripada satu atau lebih tetapan yang tidak melibatkan orang yang membangun sebagai peserta yang bertindak tetapi kesan kejadian yang berlaku mempengaruhi, atau dipengaruhi oleh apa yang berlaku dalam penetapan itu.

Selain itu, Tri Na'imah (2012) juga menyatakan bahawa keluarga miskin juga menggunakan pola *parenting* permisif yang penuh kelalaian (*permissive-neglectful parenting*). Pada pola ini orang tua tidak campur dalam kehidupan anaknya. Orang tua tidak pernah tahu kewujudan anaknya dan tidak memiliki kecekapan sosial, padahal anak memerlukan perhatian orang tua ketika mereka melakukan sesuatu. Orang tua tidak memantau perilaku anaknya atau pun menyokong minat mereka, kerana orang tua sibuk dengan masalahnya sendiri dan cenderung meninggalkan tanggungjawabnya sebagai orang tua. Hal ini bertepatan dengan ayah Umairah yang tidak mepedulikan Umairah kerana masalah tekanan perasaan yang dialaminya dan kesibukan di tempat kerja. Tanggungjawab menjaga Umairah diserahkan sepenuhnya kepada nenek Umairah.

Seterusnya, dalam novel *Rahsia Dhia* dipaparkan pekerjaan ibu mempengaruhi hubungan sosial antara ibu dengan kanak-kanak. Berdasarkan novel ini, ibu Dhia bekerja mengambil upah menjahit baju bagi menyara kehidupan. Setelah kematian ayah Dhia, ibunya menggalas tanggungjawab membesarkan Dhia seorang diri. Walaupun kehidupan mereka berdua susah, namun ibunya berusaha memberikan kemudahan asas dan sekolah yang lengkap untuk Dhia. Dhia juga tidak mengeluh dengan keadaan keluarganya. Hal ini bersesuaian dengan didikan dalam Islam bahawa manusia hendaklah sentiasa mensyukuri rezeki yang diberikan oleh Allah SWT. Rezeki dalam Islam itu bukan semata-mata berbentuk wang ringgit tetapi keluarga yang bahagia, kesihatan yang baik dan segala sesuatu yang baik berlaku dalam kehidupan.

Selain itu, ibu yang bekerja sendiri mempunyai masa yang lebih fleksibel dengan anak-anak. Hal ini kerana mereka tidak perlu terikat dengan jadual kerja yang padat dan menghadapi tekanan

daripada pihak pengurusan atau pihak atasan. Apabila anak menghadapi masalah, ibu sentiasa ada mempunyai masa terluang untuk membantu anak-anak menyelesaikan dan memberikan dorongan. Contohnya ketika Dhia sedih kerana rekaannya telah disabotaj, ibunya ada di sisi Dhia memberi kata-kata semangat dan dorongan supaya Dhia tidak berputus asa dan berdendam dengan orang yang telah merosakkan rekaannya. Hal ini jelas menunjukkan bahawa, waktu kerja ibunya mempengaruhi perkembangan psikologi Dhia kerana ibunya mempunyai masa bersama Dhia.

Dalam novel *Azrul Wira Anak Laut* turut memperlihatkan pekerjaan ibu bapa mempengaruhi perkembangan psikologi kanak-kanak. Berdasarkan novel ini, diperlihatkan pekerjaan ayahnya yang berbahaya dan berpendapatan tidak tetap menjadikan Azrul tidak pernah meminta berlebihan daripada orang tuanya. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut: "Belanja sekolah, kadangkala kadang saja diberikannya. Ayahnya memang tidak mampu untuk membelikan basikal. Namun Azrul tetap bersyukur kerana dapat bersekolah." (*Azrul Wira Anak Laut* 2006). Malahan dapat dilihat Azrul berusaha untuk mencari pendapatan sampingan dengan mengail ikan duri kangkang untuk membantu orang tuanya. Hal ini memperlihatkan bahawa Azrul juga terlibat secara tidak langsung dalam pekerjaan bapanya.

Sumber pendapatan keluarga yang tidak stabil juga membentuk Azrul menjadi seorang kanak-kanak yang berjiwa kental. Hal ini dapat dilihat semasa kawan-kawannya mengajak makan, Azrul menolak dan mengatakan masih kenyang walaupun sebenarnya dia lapar. Dia juga tidak mahu mengharap belas kasihan daripada orang lain. Oleh yang demikian, persekitaran ekosistem menjelaskan bahawa komponen ini tidak melibatkan kanak-kanak secara langsung tetapi keputusannya mempengaruhi kanak-kanak secara langsung (Bronfenbrenner 1979). Namun, berdasarkan novel ini dapat dilihat watak kanak-kanak, iaitu Azrul terlibat dalam mencari rezeki untuk keluarga seperti mengikut ayahnya ke laut semasa cuti sekolah dan mengail ikan duri kangkang di jeti untuk dijual sebagai perbelanjaan sekolah.

Di samping itu, pekerjaan ayahnya sebagai nelayan yang tidak mempunyai jadual waktu yang padat turut mempengaruhi hubungan Azrul dengan ayahnya. Ayahnya mempunyai masa untuk mengetahui perkembangan anak-anaknya. Selain itu, pekerjaan ibunya sebagai surirumah sepenuh

masa turut mempengaruhi perkembangan Azrul. Hal ini kerana, ibunya mempunyai masa menguruskan makanan, pakaian dan aktiviti anak-anaknya. Pada waktu malam, keluarganya selalu menghabiskan masa bersama-sama. Azrul dan adik-adiknya dapat berbincang dan menyuarakan masalah yang dihadapi oleh mereka. Justeru, keadaan seperti ini turut mempengaruhi perkembangan Azrul sekali gus membentuk Azrul menjadi seorang kanak-kanak yang baik. Petikan di bawah memperlihatkan peranan ibunya sebagai surirumah yang mengambil berat terhadap anak-anaknya.

“Mak Ngah Tijah terhenti daripada menjahit. Mak Ngah Tijah meletakkan baju di atas kusyen yang usianya sama dengan usia Rofeah. Wanita berusia 50 tahun itu melangkah menghampiri tiga anaknya yang sedang menikmati makan tengah hari.”

“Dahlah, jangan fikir sangat. Hangpa makanlah dulu. Kalau tak ada duit, mak akan usahakan cara lain. Yang penting, hangpa belajarlah rajin-rajin.” Mak Ngah Tijah terus memujuk.”

(Azrul Wira Anak Laut 2006: 82 & 83)

Pekerjaan ibu bapa turut memberi motivasi kepada kanak-kanak untuk memajukan diri dalam kehidupan. Berdasarkan novel *Azrul Wira Anak Laut* memperlihatkan bahawa Azrul berusaha belajar bersungguh-sungguh dan berazam ingin mengubah nasib keluarganya supaya menjadi lebih baik. Malahan Azrul bercita-cita tinggi dan tidak mahu mewarisi pekerjaan ayah dan abang-abangnya. Hal ini kerana Azrul memahami dan mengetahui bahawa dengan pekerjaan seperti ayah dan abang-abangnya Azrul tidak mampu membantu dan memberi kesenangan kepada keluarganya.

Kesimpulannya, pekerjaan ibu bapa mempengaruhi perkembangan psikologi dan pencapaian akademik kanak-kanak. Hal ini juga turut memperlihatkan bahawa keadaan ekonomi keluarga memainkan peranan yang penting dalam perkembangan psikologi kanak-kanak.

*“...income plays an especially telling role in American family life because, to a greater extent than in other modern industrialized societies, the resources and services required for sustaining the health and well-being of family members and furthering the development of the child are dependent on the family’s financial resources. This issue becomes critical to families that are chronically poor or in which the principal breadwinner becomes unemployed. Because of the magnitude of the resultant effect on children”*

(Bronfenbrenner 1986: 736)

Berdasarkan novel kanak-kanak terpilih memaparkan bahawa terdapat juga kanak-kanak yang terlibat secara tidak langsung dalam mencari rezeki untuk membantu orang tua mencari rezeki untuk menyara keluarga. Kesusahan hidup dengan sumber pendapatan yang tidak tetap menyebabkan kanak-kanak berusaha membantu ibu bapa. Di samping itu, keterlibatan kanak-kanak dalam pekerjaan ibu bapa memberi kesan positif terhadap motivasi kanak-kanak. Hal ini dapat dilihat dalam novel *Azrul Wira Anak Laut*, iaitu kanak-kanak mendapat suntikan motivasi untuk belajar bersungguh-sungguh dan berazam ingin mengubah nasib keluarga supaya menjadi lebih baik kerana merasai sendiri kesusahan yang dihadapi oleh ahli keluarga dalam mencari rezeki.

Persekitaran yang dialami watak kanak-kanak dalam novel yang dikaji menunjukkan bahawa kanak-kanak sama ada terlibat atau tidak dalam pekerjaan ibu bapa, kesannya tetap mempengaruhi perkembangan psikologi mereka. Keluarga yang mempunyai pendapatan yang tetap dan tinggi memberi pengaruh positif dalam pencapaian akademik dan perkembangan psikologi kanak-kanak. Namun, jika ibu bapa sibuk mencari rezeki kanak-kanak akan terabai dan kekurangan kasih sayang sekali gus mempengaruhi hubungan kanak-kanak dengan ibu bapa. Manakala pekerjaan ibu bapa dengan gaji yang rendah dan tidak tetap memberi pengaruh negatif kepada perkembangan kanak-kanak.

#### SISTEM PENDIDIKAN

Sekolah merupakan platform kepada kanak-kanak bagi meningkatkan interaksi sosial (Suppiah, Rachel, Norazilawati & Sandra 2017: 35). Oleh hal yang demikian, sekolah hendaklah mempunyai sistem pendidikan yang baik kerana sistem pendidikan merupakan salah satu unsur penting dalam persekitaran ekosistem yang tidak melibatkan kanak-kanak, namun mempengaruhi perkembangan akademik dan psikologi kanak-kanak. Berdasarkan novel kanak-kanak yang dikaji, sistem pendidikan merupakan salah satu persekitaran yang melingkungi kehidupan kanak-kanak. Namun begitu, aspek yang menjadi fokus utama kajian terhadap sistem pendidikan dalam novel menfokuskan kepada sistem bilik darjah, peraturan sekolah dan kemudahan sekolah sahaja.

Berdasarkan lima buah novel kanak-kanak yang dikaji, novel *Suteki Da Ne Aleena* merupakan satu-satunya novel yang menunjukkan sistem

pendidikan barat manakala empat buah novel yang lain menggambarkan sistem pendidikan di Malaysia. Namun begitu, sistem pendidikan di Malaysia juga terdapat perbezaan yang ketara antara di bandar dan luar bandar seperti yang digambarkan dalam novel kajian. Sistem pendidikan yang diterima watak Atikah dalam novel *Memori Atikah* mewakili sistem pendidikan di bandar dan luar bandar. Hal ini menggambarkan perbezaan yang ketara antara sistem pendidikan di bandar dan luar bandar dalam mempengaruhi perkembangan psikologi kanak-kanak terutama dalam pencapaian akademik.

Berdasarkan novel *Memori Atikah*, perbezaan sistem pendidikan di bandar dan luar bandar mempengaruhi pencapaian akademik kanak-kanak. Pada mulanya Atikah bersekolah di luar bandar, iaitu Sekolah Kebangsaan Kampung Jati (SKKJ). Namun, Atikah terpaksa mengikut ibunya berpindah ke bandar sekali gus bersekolah di bandar. Perbezaan yang ketara dapat dilihat dalam dua buah sekolah ini terutamanya dalam kemudahan yang disediakan kepada pelajar. Di sekolah baharu Atikah terdapat 30 buah komputer yang disediakan untuk digunakan oleh pelajar berbanding sekolah lamanya hanya terdapat tiga buah komputer yang terpaksa dikongsi dengan bilangan pelajar yang ramai. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

“Menurut Suchitra lagi, kelab ini dilengkapi dengan 30 buah komputer. Ah, malu untuk aku memberitahu Suchitra bahawa Kelab Komputer sekolah asalku hanya mempunyai tiga buah komputer.”

(Memori Atikah 2002)

“Sesekali terdetik juga rasa keberuntungannya aku berada di sini kerana selain dapat menyertai Kelab Komputer, di rumah, aku sebetulnya sudah ada sebuah komputer peribadi.”

(Memori Atikah 2002)

Selain itu, berdasarkan aktiviti yang dijalankan dapat dilihat perbezaan ketara antara sekolah bandar dan luar bandar. Semasa di kampung, setiap hari jumaat, Atikah dan kawan-kawannya belajar mengaji al-Quran di rumah Tuk Imam Jusoh. Aktiviti lain yang turut diadakan seperti kelas tambahan, aktiviti ko-kurikulum dan latihan pantun. Di bandar pula, terdapat kelas tuisyen swasta mata pelajaran-mata pelajaran tertentu seperti bahasa Inggeris, bahasa Melayu dan Matematik. Atikah mengambil kelas tuisyen swasta bahasa Inggeris bagi meningkatkan prestasi mata pelajaran Bahasa Inggeris yang agak lemah berbanding pelajar lain. Jika di sekolah lamanya Atikah tidak menghadiri kelas tuisyen

khas bagi memperbaiki mata pelajaran yang lemah. Malahan di sekolah baharu juga Atikah mengikuti Kem Pelajar Cemerlang yang dianjurkan oleh akhbar *Berita Utama* bagi membantu melahirkan pelajar yang cemerlang dalam akademik melalui penyediaan modul latihan yang disediakan. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

“Aku perlu mengikuti kem itu kerana aku mahu menjadi pelajar yang cemerlang, dan lepas cuti nanti, peperiksaan setengah tahun akan berlangsung. Inilah peluang untuk aku membuktikan kepada Normala bahawa anak kampung juga boleh berjaya, anak kampung juga tidak boleh diperlekehkan.”

(Memori Atikah 2002)

Di samping itu, sistem pendidikan di kedua-dua buah sekolah tersebut memperlihatkan terdapat pembahagian yang ketara antara pelajar yang lemah dan cemerlang dalam akademik. Jika di sekolah luar bandar, di samping jumlah pelajar yang tidak ramai, pelajar yang cemerlang dalam pelajaran akan diberi hadiah sebagai pembakar semangat untuk mengekalkan prestasi. Hal ini dapat dilihat ketika Atikah berjaya mengekalkan kedudukan tempat pertama dalam kelas, Cikgu Mastura telah menghadiahkan Atikah sebuah diari berwarna merah. Apabila Cikgu Mastura berjanji akan memberi Atikah hadiah jika berjaya mengekalkan prestasinya Atikah menjadikan kata-kata Cikgu Mastura sebagai pembakar semangat untuk berjaya. Di sekolah bandar pula, pelajar yang pintar akan dimasukkan dalam kelas yang berbeza, iaitu Tahun Empat Nilam (TEN) merupakan kelas elit. Ten membawa maksud prestasi cemerlang dan hanya pelajar cemerlang yang layak dalam *Class Perfect Ten* tersebut.

Berdasarkan perbezaan tersebut menunjukkan sekolah di bandar menyediakan kemudahan yang lengkap kepada pelajar sama ada dari segi kemudahan sekolah, aktiviti yang dijalankan dan persekitaran persaingan yang menjana semangat pelajar mencapai akademik yang cemerlang. Iklim sekolah yang kondusif serta dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan pengajaran pembelajaran akan membantu perkembangan kognitif, efektif & psikomotor pelajar (Zakaria, Ahmad & Noranizah 2012).

Namun, sistem pendidikan yang terlalu mengejar pencapaian akademik menjadikan watak kanak-kanak dalam novel tersebut tertekan dan mementingkan diri-sendiri. Hal ini dapat dilihat dalam novel *Memori Atikah* berdasarkan watak Normala. Normala berasa tertekan dan tercabar



dengan kehadiran Atikah. Watak Atikah juga digambarkan berasa kerdil dan rendah diri kerana kelemahannya dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris dan ketika dia tidak mampu masuk dalam senarai *TOPTEN* dalam peperiksaan yang dijalankan. Malahan kerana terlalu kuat belajar untuk mendapat keputusan cemerlang serta untuk mengalahkan Normala, Atikah telah jatuh sakit. Peristiwa tersebut memperlihatkan sistem pendidikan yang terlalu mengejar pencapaian akademik menyebabkan kanak-kanak tertekan dan membahayakan kesihatan kanak-kanak.

Sistem pendidikan luar bandar juga diwakili oleh tiga watak kanak-kanak, iaitu Azrul dalam *Azrul Wira Anak Laut*, Umairah dalam *Umairah dan Kuda Putih* dan Dhia dalam *Rahsia Dhia*. Menurut Mohd Salleh Lebar (1994), berdasarkan kajian-kajian yang dibuat oleh ahli-ahli pendidikan, didapati pencapaian akademik kanak-kanak di kampung adalah lebih rendah daripada kanak-kanak yang berasal dari bandar. Hal ini jelas menunjukkan persekitaran memang mempengaruhi perkembangan dan kemajuan semasa kanak-kanak.

Perbezaan sistem pendidikan dalam mempengaruhi pencapaian akademik kanak-kanak turut dapat dilihat dalam novel-novel kajian. Berdasarkan novel *Azrul Wira Anak Laut*, watak Kamal, iaitu kawan kepada Azrul tidak begitu mahir dalam mata pelajaran Matematik. Dia bertanyakan kepada Azrul dan mengharapkan Azrul mengajarnya. Dalam novel ini tidak terdapat kelas tambahan atau inisiatif dalam meningkatkan kemajuan pelajar yang lemah. Malahan murid yang lemah terus lemah dan hanya mendiamkan diri. Hal ini berbeza dengan watak Aleena yang bersekolah di Barat. Ternyata kemudahan yang berbeza antara sekolah memberikan kesan kepada pencapaian akademik dan perkembangan psikologi kanak-kanak. Hal ini turut ditegaskan oleh Ee Ah Meng (1992), "Kemudahan-kemudahan pembelajaran yang terdapat di satu-satu kawasan akan juga menimbulkan perbezaan individu."

Berdasarkan novel *Suteki Da Ne Aleena*, sistem pendidikan di Barat yang ketat dan berbeza dengan Malaysia telah memberikan kesan kepada perkembangan psikologi Aleena. Pelajar yang lemah dalam mata pelajaran Matematik diwajibkan menghadiri kelas tambahan sehingga menunjukkan pencapaian dan mencapai peratus yang dikehendaki sekolah. Aleena berasa tertekan kerana terpaksa menghadiri kelas tambahan Matematik dan digugurkan daripada kelas violin yang diminatinya.

Sistem pendidikan di sekolah baharu Aleena, iaitu Foothill Middle School, Arcadia, California telah mempengaruhi perkembangan psikologi Aleena. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

"Sampai hati mereka...sampai hati! Padahal, itu bukan kehendaknya. Bukan juga kerana silapnya, maka dia dikeluarkan dari kelas violin tersebut."

"Apa nak buat, sememangnya undang-undang sekolah di sini digubal sebegitu rupa. Tiada pilihan dan bantahan. Tiada sesiapa pun jua yang dapat mengubahnya kembali. Walau abah yang bergelar diplomat sekalipun,' bisik hatinya yang lara.

"Air mukanya berubah. Berkerut keningnya, terjuhi bibir bawahnya. Tangisannya bersambung.

(Suteki Da Ne Aleena 2013)

Sistem pendidikan yang terlalu menekan berserta peraturan yang ketat mempengaruhi perkembangan psikologi kanak-kanak. Hal ini kerana, kanak-kanak juga memerlukan masa untuk bermain bersama-sama kawan. Menurut Bates (2002: 309), "*play is recognized as a an important part of a child's development.*" Semasa bermain, kanak-kanak disediakan peluang untuk interaksi sosial dengan rakan sebaya. Kanak-kanak belajar kepentingan peraturan sosial dan cara untuk bersama dengan orang lain melalui bermain. Semasa interaksi sosial ini kanak-kanak belajar untuk menyatakan dan mengawal emosi mereka dan menyelesaikan konflik dengan orang lain (Bates 2002).

Selain itu, sistem pendidikan di Barat juga jauh lebih maju daripada sukatan pelajaran menyebabkan Aleena semakin tertekan. Aleena yang merupakan warga negara Malaysia dan telah menuntut di Malaysia dari tahun 1 hingga tahun 5 sukar menerima perubahan yang terlalu jauh berbeza. Aleena tidak dapat membuat latihan dan ujian yang diberikan kerana belum pernah diajar semasa bersekolah di Malaysia. Selain itu, sukatan pelajaran di Barat juga jauh lebih susah jika dibandingkan dengan Malaysia. Sistem pendidikan nyata memberikan kesan terhadap kanak-kanak berdasarkan petikan berikut:

"Masih separuh lagi soalan yang belum dijawab. Kertas soalan dikumpulkan oleh Mrs. Rea sendiri. Malu, tak sanggup melihat muka Mrs. Rea. Aleena hanya tunduk dan cuba melarikan mata daripada bertembung mata gurunya walaupun tangannya menghulurkan jawapan."

(Suteki Da Ne Aleena 2013)

Di samping itu, dalam sistem pemarkahan pula, di Barat jauh lebih tinggi berbanding Malaysia. Jika di Malaysia, markah sebanyak

70% sudah dikira cukup baik dan lulus. Namun di Barat markah sebanyak 70% masih lagi dianggap lemah dan gagal. Perubahan-perubahan seperti ini mempengaruhi pencapaian akademik dan perkembangan psikologi Aleena. Aleena menjadi seorang anak yang murung, tidak ada selera makan dan cepat terasa dengan kata-kata kakak dan ibunya. Aleena juga berasa malu untuk berjumpa dengan kawan-kawannya, iaitu Ashley dan Monica. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut: “Harap-harap mereka tak akan menuduh aku budak Melayu bodoh dari Malaysia. Eee... malunya!” (*Suteki Da Ne Aleena* 2013).

Kebimbangan yang dialami Aleena akibat memikirkan pendapat kawan-kawan di sekolah kerana dia digugurkan daripada kelas *violin* kerana lemah mata pelajaran Matematik menyebabkan Aleena mengurung diri dalam bilik. Hal ini kerana kebingungan dan kekecewaan yang dialami itu akan menambahkan lagi tekanan jiwa kanak-kanak. Oleh itu bagi kanak-kanak yang terlibat, fikiran mereka akan sentiasa tertumpu kepada masalah yang dihadapi sehingga tidak dapat memberikan tumpuan kepada pelajaran dan diri-sendiri.

Berdasarkan novel *Azrul Wira Anak Laut*, sistem pendidikan turut mempengaruhi perkembangan psikologi dan akademik kanak-kanak. Hal ini dapat dilihat melalui sistem yuran untuk menduduki peperiksaan. Setiap murid tahun 6 dikehendaki membayar yuran Ujian Peperiksaan Sekolah Rendah (UPSR). Murid yang gagal membayar yuran tidak dibenarkan untuk menduduki peperiksaan. Sistem peperiksaan yang memerlukan murid membayar yuran memberikan tekanan perasaan kepada murid yang berasal dari keluarga miskin seperti Azrul. Azrul berasa tertekan apabila tidak mampu membayar yuran kerana ayahnya tidak dapat turun ke laut mencari sumber rezeki.

“Hang kena bayar cepat. Kalau lambat bayar, hang tak dapat ambil periksa,” kata Ramli. Azrul tidak berkata apa-apa. Kata-kata sahabatnya itu membuatkan kotak fikirannya terbayangkan wajah ayahnya. Sudah tiga minggu ayahnya tidak dapat turun ke laut.”

(Azrul Wira Anak Laut 2006)

Manakala dalam novel *Rahsia Dhia* keputusan Unit Bimbingan dan Kaunseling Sekolah mewajibkan semua pelajar menyertai pertandingan Bulan Kemerdekaan memberi reaksi yang pelbagai dari para pelajar. Para pelajar terpaksa menyertai pertandingan yang dianjurkan walaupun mereka tidak berminat. Malahan Cikgu Norazma tidak memberi peluang kepada para pelajar untuk

menyatakan alasan mereka. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

“Tidak,...tidak,...tidak ada tapi-tapinya lagi. Apa yang penting, kamu semua kena mengambil bahagian dalam pertandingan itu.”

“Alahai!” Kedengaran keluhan sebahagian murid kelas tersebut. Masing-masing mencebik bibir kerana terpaksa mengambil bahagian dalam pertandingan yang dianjurkan oleh Unit Bimbingan dan Kaunseling sekolah tersebut.”

(Rahsia Dhia 2014)

Keputusan yang dilakukan oleh pihak sekolah tidak melibatkan pelajar, namun keputusan dan tindakan yang diambil memberi kesan terhadap perkembangan psikologi pelajar. Hal ini dapat dilihat apabila para pelajar mengeluh dan tidak berpuas hati dengan keputusan yang dibuat oleh Cikgu Norazma, namun mereka tidak mampu untuk membantah dan terpaksa menyertai pertandingan tersebut. Untuk menghasilkan murid yang berkembang seimbang, guru yang menggalas peranan sebagai individu yang menggerakkan sistem sekolah hendaklah memainkan peranan dengan sebaiknya dan murid juga hendaklah memberikan kerjasama kepada guru. Hal ini kerana, menurut Qutrennada & Ahmad Yunus (2017), proses ini melibatkan peranan daripada guru dan murid untuk melahirkan pengajaran serta pembelajaran yang berkesan.

Rumusannya, sistem pendidikan memberi kesan terhadap perkembangan psikologi kanak-kanak. Selain itu, sistem pendidikan yang terlalu menekan dan mementingkan pencapaian akademik seperti yang berlaku dalam novel *Suteki Da Ne Aleena* telah menyebabkan kanak-kanak terganggu emosi dan tertekan. Keputusan dan tindakan yang diambil meskipun berlandaskan alasan untuk memberikan yang terbaik kepada pelajar, namun kesannya tetap mempengaruhi perkembangan psikologi dan akademik kanak-kanak.

## KESIMPULAN

Berdasarkan kelima-lima buah novel kanak-kanak yang terpilih memperlihatkan persekitaran ekosistem turut mempengaruhi perkembangan psikologi watak kanak-kanak. Novel-novel terpilih juga memperlihatkan dua aspek penting yang turut terdapat dalam persekitaran ekosistem saling berkait rapat dalam mempengaruhi perkembangan psikologi kanak-kanak. Namun begitu, tidak kesemua novel

tersebut menggambarkan dua aspek yang terdapat dalam persekitaran ekosistem.

Berdasarkan pekerjaan ibu bapa dalam novel kanak-kanak terpilih menunjukkan pekerjaan ibu bapa mempengaruhi perkembangan psikologi kanak-kanak sama ada positif dan juga negatif. Manakala sistem pendidikan yang maju dan moden seperti yang terdapat di luar negara dan kawasan bandar turut membantu kanak-kanak mencapai prestasi cemerlang dalam akademik. Namun begitu, sistem pendidikan yang terlampau menekankan pencapaian akademik semata-mata akan menyebabkan kanak-kanak tertekan sekali gus mengganggu emosi kanak-kanak.

Jelaslah, bahawa persekitaran ekosistem tidak melibatkan individu yang berkembang berperanan secara aktif, namun kesan daripada apa yang berlaku dalam persekitaran ekosistem mempengaruhi perkembangan individu tersebut (Bronfenbrenner 1979). Hal ini menunjukkan bahawa kanak-kanak tidak terlibat secara aktif dalam pekerjaan ibu bapa dan sistem pendidikan, namun kesan daripada apa yang berlaku mempengaruhi perkembangan psikologi dan akademik kanak-kanak.

#### PENGHARGAAN

Kami mengucapkan terima kasih kepada bahagian *MyBrain15* Malaysia atas biayaan bagi menjalankan penyelidikan ini.

#### RUJUKAN

- Abd. Razak Zakaria & Norani Mohd Salleh. 2011. Konteks keluarga dan hubungannya dengan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak di sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 36 (1): 35-44.
- Awang Abdullah. 2002. *Memori Atikah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bates, J. W. 2002. Play. Dlm. *Child Development*, disunting oleh Salkind, N. J., 309-312. New York: Macmillan Reference USA.
- Bronfenbrenner, U. 1979. *The Ecology of Human Development: Experiments by Nature and Design*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Bronfenbrenner, U. 1986. Ecology of the family as a context for human development: Research perspectives. *Developmental Psychology* 22: 723-742.
- Dewan Sastera. 2010. Laporan Panel Hadiah Sastera Perdana Malaysia 2010/2011 (Kategori Kanak-kanak dan Remaja). *Dewan Sastera*. <http://dwnsastera.dbp.my/?p=1507>. Diakses pada: 25 Julai 2018.
- Ee, Ah Meng. 1992. *Psikologi Perkembangan: Aplikasi dalam Bilik Darjah*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Hassan Omar. 2006. *Azrul Wira Anak Laut*. Selangor: 'K' Publishing Sdn. Bhd.
- Kusyi Hirdan. 2010. *Umairah dan Kuda Putih*. Selangor: PTS One Sdn Bhd.
- Mass Ruhaiza Ali. 2013. *Suteki Da Ne Aleena*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Bahasa Malaysia.
- Mohd Salleh Lebar. 1994. *Asas Psikologi Perkembangan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mok, S. S. 2009. *Perkembangan Kanak-kanak*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Odum, E. P. 1963. *Ecology*. New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Odum, E. P. (sunt.). 1996. *Asas Ekologi Bahagian Satu Konsep dan Prinsip Ekologi Asas*. Terj. Patimah Ismail, Mustaffa Kamal Abd Satar & Siti Khalijah Daud. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Qutrennada Rosli & Ahmad Yunus Mohd Noor. 2017. Pengajaran dan pembelajaran hadith di Darul cUlūm Ihyā' cUlūmuddīn Alor Setar Kedah: Keberkesanan, metodologi dan persepsi pelajar. *Akademika* 87 (3): 137-149.
- Suppiah Nachiappan, Rachel Mildred Edward Munovah, Norazilawati Abdullah & Sandra Suffian. 2017. perkembangan kognisi dalam kanak-kanak prasekolah melalui teknik bermain. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak* 6: 34-44.
- Tri Na'imah. 2012. Pendidikan Karakter (Kajian dari Teori Ekologi Perkembangan). *Prosiding Seminar Nasional Psikologi Islami*. Universitas Muhammadiyah Purwokerto, 159-166.
- Zainun Mustapha. 2014. *Rahsia Dhia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail & Noranizah Yusuf. 2012. Faktor persekitaran sosial dan hubungannya dengan pembentukan jati diri. *Jurnal Hadhari Special Edition*, 155-172.
- Zuhayati Yazid. 2012. Ibu Bapa Bekerja Kurang Masa untuk Anak. *Utusan*, 8 Mac. <http://ww1.utusan.com.my/utusan/info>. Diakses pada: 20 Februari 2018.

Rohayati Junaidi (corresponding author)  
Jabatan Kesusasteraan Melayu,  
Akademi Pengajian Melayu,  
Universiti Malaya, Kuala Lumpur  
Malaysia.  
E-mail: rohayatijunaidi@siswa.um.edu.my

Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali  
Jabatan Kesusasteraan Melayu,  
Akademi Pengajian Melayu,  
Universiti Malaya, Kuala Lumpur  
Malaysia.  
E-mail: inmarlin@um.edu.my

Madiawati Mustaffa @ Mamat  
Jabatan Kesusasteraan Melayu,  
Akademi Pengajian Melayu,  
Universiti Malaya, Kuala Lumpur  
Malaysia.  
E-mail: [atie@um.edu.my](mailto:atie@um.edu.my)

Received: 27 August 2018

Accepted: 25 May 2019